

AHAD, 30 OGOS, 1981

# Haji Abd. Malek dilantik semula S-usaha Perhubungan UMNO Pahang

KUALA LUMPUR, Sabtu — Ketua UMNO Bahagian Bentong, Haji Abdul Malek Mohamed, dilantik semula sebagai Setiausaha Perhubungan UMNO Negeri Pahang dalam mesyuarat badan itu yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Ini adalah kali pertama Perdana Menteri mempergunakan mesyuarat itu sejak beliau mengambil-alih jawatan Pengerusi Perhubungan dari Tun Hussein Onn, baru-baru ini.

Mesyuarat juga melantik semula Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Chenor, Haji Mahmud Taib

sebagai Ketua Penerangan. Haji Mahmud juga menjadi Ketua Penerangan UMNO Bahagian Maran.

Ketua UMNO Bahagian Maran, Haji Nasir Mat Piah, pula mengambil-alih jawatan Bendahari dari Menteri Besar Pahang, Haji Abdul Rahim Abu Bakar.

Haji Malek yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Semantang memberitahu Bernama, kesemua perantikan itu dibuat setelah dibincangkan dengan kesemua ahli jawatankuasa perhubungan.

Bellau, yang memegang jawatan Setiausaha selama lapan tahun, mengucapkan terima kasih kepada ja-

watankuasa badan kerana memberi kepercayaan kepada beliau untuk meneruskan jawatannya.

"Saya berjanji akan berusaha sedaya upaya untuk menjalankan tanggungjawab saya dan menguruskan jentera parti peringkat negeri bagi menghadapi pilihanraya umum akan datang," tambah beliau.

Mesyuarat tertutup kira-kira dua setengah jam di Jabatan Perdana Menteri itu dihadiri oleh kesemua 16 ahli jawatankuasa, termasuk Menteri Besar, selaku Timbalan Pengerusi.

Mesyuarat hari ini adalah kali pertama diadakan.